



Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad

Since 1949

NOTIS PEMBERITAHUAN

Kepada Semua Anggota Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad,

PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

Notis ini adalah sebagai makluman awal kepada semua anggota Koperkasa. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-66 telah meluluskan pindaan Undang-Undang Kecil berikut:

| UNDANG-UNDANG KECIL ASAL | UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN |
|---|--|
| <p>Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan</p> <p>26 (1) Bagi maksud seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan Kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap Kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap Kawasan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu ribu orang anggota. Kawasan bagi mesyuarat agung Kawasan adalah seperti berikut:-</p> <p>Kawasan 1 – Bahagian Kuching, Kota Samarahan, Sri Aman dan Betong; Kawasan 2 – Bahagian Sarikei, Sibu, Mukah dan Kapit; dan Kawasan 3 – Bahagian Bintulu, Miri dan Limbang.</p> | <p>Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan</p> <p>26 (1) Bagi maksud seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan Kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap Kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap Kawasan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu ribu orang anggota. Kawasan bagi mesyuarat agung Kawasan adalah seperti berikut:-</p> <p>Kawasan 1 – Bahagian Kuching, Kota Samarahan dan Sri Aman; Kawasan 2 – Bahagian Betong, Sarikei, Sibu, Mukah dan Kapit; dan Kawasan 3 – Bahagian Bintulu, Miri dan Limbang.</p> |
| <p>Modal Syer</p> <p>60. (1) Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan RM100.00 (Ringgit: satu ratus) syer sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan menurut fasal (2). Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat.</p> | <p>Modal Syer</p> <p>60. (1) Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan RM100.00 (Ringgit: satu ratus) syer sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan menurut fasal (2). Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat.</p> |

Sambungan....

| UNDANG-UNDANG KECIL ASAL | UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN |
|---|---|
| <p>(2) Tempoh menjelaskan syer minimum menurut fasal (1) adalah sebagaimana berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Seseorang yang turut sama di dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini atau yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh perakuan pendaftaran diterima oleh Koperasi; dan (b) Seseorang yang diterima menjadi anggota menurut undang-undang kecil 15 hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh lima bulan dari tarikh penerimaannya sebagai anggota. (c) Tiada | <p>(2) Tempoh menjelaskan syer minimum menurut fasal (1) adalah sebagaimana berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Seseorang yang turut sama di dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini atau yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh perakuan pendaftaran diterima oleh Koperasi; dan (b) Seseorang yang diterima menjadi anggota menurut undang-undang kecil 15 hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh lima bulan dari tarikh penerimaannya sebagai anggota. (c) Bagi anggota yang bersara dan berstatus “Shareholder” hendaklah melanggan RM500.00 (Ringgit: lima ratus) syer sebagai sumbangan minimum. |

Pindaan ini akan dikuatkuasakan setelah menerima kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Sejajar dengan pindaan ini, bagi mematuhi UUK 60(2)(c) anggota-anggota yang bakal bersara selepas tarikh kuatkuasa pindaan ini nanti sekiranya hendak mengekalkan keanggotaan dalam Koperkasa diwajibkan untuk melanggan sekurang-kurangnya 5 unit modal syer bernilai RM500.00. Syer ini boleh ditolak daripada baki Yuran Bulanan tuan/puan atau dibayar secara tunai.

Sekian, harap maklum.

Pengurusan
 Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad
 Tarikh: 28 Mei 2019